



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 06 April 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Lubuk Tagih Simpati</p> <p>https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/04/953429/lubuk-tagih-simpat</p>	Harian Metro	Neutral
2	<p>Masalah Kesuburan Membimbangkan [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/953457/masalah-kesuburan-membimbangkan-metrotv</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/fertility-problems-among-men-malaysia-alar-ming-414136</p> <p>https://www.astroawani.com/video-malaysia/masalah-kesuburan-lelaki-di-malaysia-membimbangkan-2017157</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral

https://www.thevibes.com/articles/news/89608/fertility-issues-among-msian-men-alarming-aiman-athirah	The Vibes
https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2179051	Bernama
https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/04/05/alarming-level-of-infertility-issues-among-men-says-deputy-minister/	FMT
https://harapandaily.com/kesuburan-lelaki-membimbangkan/	Harapan Daily
https://www.nst.com.my/news/nation/2023/04/896533/male-infertility-alarming-level-says-deputy-minister	NST
https://www.thesundaily.my/local/fertility-problems-among-men-in-malaysia-alarming-HK10834452	The Sun Daily
https://harakahdaily.net/index.php/2023/04/05/trend-kadar-kelahiran-baharu-di-malaysia-turun/	Harakah Daily
https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/60963-klinik-rawatan-khas-kesuburan-lelaki-bakal-diwujudkan	Berita RTM
https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/dewan-negara-masalah-kesuburan-lelaki-malaysia-tahap-membimbangkan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=dewan-negara-masalah-kesuburan-lelaki-malaysia-tahap-membimbangkan	Kosmo
https://utusan Timur.com/2023/04/05/masalah-kesuburan-lelaki-di-malaysia-membimbangkan/	Utusan Timur
https://utusan TV.com/2023/04/05/masalah-kesuburan-lelaki-di-malaysia-membimbangkan/	Utusan TV
https://xuan.com.my/hotspot/%E7%94%B7%E6%80%A7%E4%B8%8D%E8%82%B2%E9%97%AE%E9%A2%98%E4%BB%A4%E4%BA%BA%E6%8B%85%E5%BF%A7-86296	Xuan
https://www.youtube.com/watch?v=MKglKd5KW8I	Astro Awani

3	<p>Tukang Jahit Kerdil Kalis Sindiran, Terima Tempah Untuk Syawal</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/wanita/fesyen/2023/04/1086234/tukang-jahit-kerdil-kalis-sindiran-terima-tempah-untuk-syawal</p>	Berita Harian	Neutral
4	<p>Wanita Maut Dipukul Suami Dengan Tukul Besi</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/wanita-maut-dipukul-suami-dengan-tukul-besi/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/953542/suami-guna-tukul-besi-bunuh-isteri-metrotv</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=30UuLI8IdsQ</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-maut-disyaki-dibunuh-suami-dengan-tukul-besi-414168</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/253091/berita/semasa/wanita-maut-disyaki-dibunuh-suami-dengan-tukul-besi</p> <p>https://majoriti.com.my/berita/2023/04/05/wanita-maut-dipukul-suami-selepas-hantar-anak-ke-sekolah-didungun</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/661216</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/wanita-maut-dipukul-suami-dengan-tukul-AK10836314</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/05/6-kesan-hentakan-punca-kematian-wanita-dipukul-suami/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Majoriti</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>The Sun Daily</p> <p>FMT</p>	Neutral
5	<p>Dua Beradik Wanita Rugi RM658,000 Ditipu ‘Phone Scam’</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/dua-beradik-wanita-rugi-rm658000-ditipu-phone-scam/</p>	Utusan	Neutral
6	<p>Waris Bayi Ditinggalkan Di HSA Dicari</p>		Neutral

	https://www.sinarharian.com.my/article/253047/edisi/selangor-kl/waris-bayi-ditinggalkan-di-hsa-dicari https://www.edisi9.com.my/2023/04/waris-bayi-ditinggalkan-di-hsa-diminta-tampil/	Sinar Harian Edisi 9	
7	Wang Simpanan Lesap Ditipu Syarikat Pelaburan – Anisa https://malaysiagazette.com/2023/04/05/wang-simpanan-lesap-ditipu-syarikat-pelaburan-anisa/	Malaysia Gazette	Neutral
8	Temu Duga Khas Berjaya Tempatkan Golongan OKU Dalam Sektor Pekerjaan https://www.astroawani.com/berita-malaysia/temu-duga-khas-berjaya-tempatkan-golongan-oku-dalam-sektor-pekerjaan-414185 https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2179178	Astro Awani Bernama	Neutral
9	Al-Quran Braille ‘Peneman’ 32 OKU https://www.sinarharian.com.my/article/253176/berita/nasional/al-quran-braille-peneman-32-oku	Sinar Harian	Neutral

LUBUK TAGIH SIMPATI

<https://www.hmetro.com.my/amp/utama/2023/04/953429/lubuk-tagih-simpaty>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: "Saya bukan apa (meminta sedekah), saya sudah tiada pilihan mahu cari makan," ujar seorang pengemis wanita yang meminta sedekah di bazar Ramadan di Sungai Buloh, Selangor.

Wanita itu dilihat duduk di atas jalan sambil memegang bekas plastik. Beberapa pengunjung bazar yang melintasinya akan memasukkan wang ke dalam bekas plastik berkenaan.

Ketika ditemui, wanita warga Kemboja itu mendakwa sudah hampir 40 tahun menetap di negara ini dan mempunyai empat anak dengan tiga daripadanya sudah berkahwin.

Dia mendakwa terpaksa mengemis demi menyara hidupnya selain membesarkan seorang anak lelaki yang juga orang kurang upaya (OKU).

"Saya susah, anak saya satu kaki tak ada, tak boleh kerja. Kalau adik mahu sedekah berapa saja tak apa.

"Saya dapat (wang) tak banyak... Boleh makan," katanya yang tidak mahu mendedahkan jumlah wang derma diterima setiap hari di bazar Ramadan.

Tinjauan Harian Metro di bazar Ramadan di sekitar Sungai Buloh, mendapati sekurang-kurangnya 10 pengemis dipercayai warga asing berkeliaran di bazar berkenaan bagi meraih simpati orang ramai.

Tinjauan dari jam 4 petang hingga 6 petang di tiga bazar Ramadan mendapati wujudnya aktiviti meminta sedekah daripada orang ramai dengan menggunakan pelbagai taktik antaranya membawa anak kecil.

Lebih mengejutkan, terdapat juga kanak-kanak perempuan disyaki etnik Rohingya membawa beberapa naskah surah Yasin untuk dijual kepada orang ramai pada harga RM10.

Difahamkan, aktiviti mengemis itu menarik perhatian warga asing disebabkan kawasan bazar Ramadan menjadi tumpuan orang ramai dan mereka dipercayai mengambil kesempatan atas amalan bersedekah di bulan mulia.

Seorang lagi pengemis wanita yang ditemui mendakwa dia adalah penduduk tempatan, tetapi melalui pertuturannya jelas seakan menggunakan bahasa dari Indonesia.

"Saya orang sini, saya sudah tua tak berdaya lagi (untuk bekerja)," kata wanita itu yang dianggarkan berusia 60-an.

Sementara itu, seorang peniaga di bazar Ramadan Saujana Utama yang mahu dikenali Azman, 25, berkata, kegiatan meminta sedekah semakin menjadi-jadi di kawasan itu terutama selepas seminggu berpuasa.

Menurutnya, kegiatan terbabit kemungkinan didalangi sindiket tertentu kerana melalui pemerhatiannya mendapati pengemis dihantar oleh individu lain ke kawasan itu sebelum datang semula mengambilnya selepas beberapa jam.

"Saya nampak ada seorang lelaki memakai topi keledar, berkaca mata dan memakai pelitup muka akan muncul dan menghantar seorang pengemis wanita seawal jam 4 petang.

Lelaki itu akan datang semula mengambil pengemis terbabit kira-kira jam 7 malam.

"Selain itu, saya juga pernah ternampak van putih muncul hantar peminta sedekah ke sini. Ada antara mereka akan bawa keropok dan buku untuk minta sumbangan," katanya.

Azman mendakwa kebanyakan pengemis di kawasan bazar itu tidak duduk lama dan hanya mengambil masa antara sejam hingga dua jam sebelum berpindah ke kawasan lain.

"Ada bermacam cara mereka gunakan, ada yang menjual tisu dan ada yang duduk di satu tempat sambil menadah bekas meraih simpati orang ramai memberikan sedekah kepada mereka," katanya.

Dia berharap operasi membanteras peminta sedekah warga asing diperhebatkan pihak berkuasa bagi mengelak mereka mengambil kesempatan di atas kemurahan hati umat Islam ketika Ramadan dan mengekang aktiviti itu daripada berleluasa.

Tiada kerja, rumah antara punca dorong jadi pengemis

Tiada pekerjaan, tiada tempat tinggal, masalah kesihatan seperti pesakit mental dan terbabit dengan penyalahgunaan dadah adalah antara faktor utama dikenal pasti menjadi penyumbang kepada kegiatan pengemis warga tempatan dan asing.

Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Datuk Seri Nancy Shukri berkata, pihaknya sedia maklum lambakan pengemis warga asing memandangkan seramai 1,937 kes gelandangan warga asing diambil tindakan oleh pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sejak 2018 hingga 2022.

"Merujuk kepada Subseksyen 3(1) Akta Orang Papa 1977 menyatakan, kuasa pegawai JKM boleh mengambil gelandangan di bawah jagaannya dalam tempoh 24 jam sebelum membawa gelandangan itu ke mahkamah.

"Dalam tempoh itu, Pegawai Kebajikan Masyarakat akan membuat saringan dan mengenal pasti jika gelandangan yang diambil adalah bukan warganegara Malaysia. Kes kemudian diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk tindakan lanjut," katanya kepada Harian Metro.

Katanya, perkara itu terkandung dalam Subseksyen 3(1) Akta Orang-Orang Papa 1977.

Sementara itu Timbalan Menteri KPWKM, Aiman Athirah Sabu berkata, tindakan membanteras pengemis diambil itu adalah secara 'ad hoc' (mengejut), berjadual atau bersama agensi lain.

Beliau mengulas kebanjiran pengemis warga asing yang berada di setiap bazar Ramadan, masjid dan beberapa lokasi di seluruh negara ketika ini.

"Tindakan membentaras pengemis warga asing memerlukan tindakan lain-lain agensi kerajaan dan bukan JKM semata-mata. Ini memandangkan pegawai JKM mempunyai kuasa yang sangat terhad berdasarkan Akta Orang-Orang Papa 1977 (Akta 183)," katanya.

Katanya, JKM amat mengharapkan semua agensi penguatkuasaan memainkan peranan dan tindakan berdasarkan kategori orang papa yang diambil mengikut undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan.

"Ini kerana bukan semua orang papa itu sesuai dijaga dan dipulihkan di rumah kebajikan," katanya.


Beliau dalam masa sama turut menasihatkan orang ramai tidak memberi wang kepada orang papa yang mengemis di tempat awam sebaliknya menyalurkan derma kepada badan bukan kerajaan (NGO) berdaftar dengan agensi kerajaan.

Selain itu katanya, orang ramai juga boleh membuat aduan kepada JKM berhampiran, menghubungi Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019261599.

MASALAH KESUBURAN MEMBIMBANGKAN [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/953457/masalah-kesuburan-membimbangkan-metrotv>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Masalah kesuburan kaum lelaki di negara ini berada pada tahap membimbangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Aiman Athirah Sabu memaklumkan Dewan Negara semalam, fakta itu berdasarkan data ujian analisis sperma makmal Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) yang mendapati sebanyak 60 peratus menunjukkan keputusan abnormal.

"Perkara berkenaan secara langsung menyumbang kepada peningkatan masalah kesuburan dalam pasangan berkahwin di Malaysia.

"Pada masa yang sama kadar kelahiran di negara kita juga menunjukkan trend penurunan sejak 40 tahun lalu dan ia berkait rapat dengan kadar kesuburan dengan data 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan 1.7 orang anak bagi setiap wanita berkahwin," katanya.

Aiman Athirah berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Dr Dominic Lau Hoe Chai berkaitan tindakan kementerian dalam menghadapi penurunan kadar kelahiran di negara ini, pada sesi soal jawab di Dewan Negara di sini, tadi.

Katanya, sebagai langkah produktif kerajaan sudah mewujudkan Klinik Kesejahteraan Lelaki yang mula beroperasi Oktober tahun lalu di Klinik Subfertiiliti LPPKN di ibu negara dan akan diperluas ke enam lagi Klinik LPPKN di seluruh Semenanjung dan Sarawak tahun ini.

"Klinik ini menawarkan perkhidmatan ujian saringan kesihatan lelaki, khidmat nasihat masalah seksual dan amalan hidup sihat serta rawatan ubatan untuk meningkatkan kesuburan.

"Dalam usaha bantu pasangan berkahwin tangani masalah kesuburan, LPPKN ada menawarkan rawatan kesuburan sejak 1979 ... di Zon Utara iaitu Klinik Subfertiiliti Pulau Pinang, Zon Tengah di Klinik Subfertiiliti di Kuala Lumpur dan untuk Zon Selatan (Klinik Subfertiiliti) di Johor," katanya.

Beliau berkata inisiatif rawatan di fasiliti LPPKN itu sehingga kini berjaya mencatat 6,000 kehamilan dan 4,000 kelahiran yang disifatkan satu pencapaian setanding pusat rawatan kesuburan antarabangsa.

Katanya, antara faktor menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan rakyat ialah perubahan gaya hidup dan kos sara hidup tinggi sehingga pasangan mengambil keputusan mengehadkan jumlah anak, peningkatan bilangan wanita berpendidikan, penyertaan wanita dalam tenaga buruh selain lewat berkahwin sehingga memendekkan usia reproduktif.

TUKANG JAHIT KERDIL KALIS SINDIRAN, TERIMA TEMPAH UNTUK SYAWAL

<https://www.bharian.com.my/amp/wanita/fesyen/2023/04/1086234/tukang-jahit-kerdil-kalis-sindiran-terima-tempah-untuk-syawal>

Sumber : Berita Harian



BUTTERWORTH: Dilahirkan sebagai insan kerdil dan pernah disindir tidak mampu pergi jauh bukan penghalang menceburi bidang perniagaan, sebaliknya menggunakan kelebihan itu untuk berjaya dalam kehidupan.

Nurul Izzah Mohd Asri, 25, dengan ketinggian tubuh 117 sentimeter tetap bersyukur kekurangan dari segi fizikal, mempunyai kelebihan mempamerkan kemahirannya menjadi tukang jahit.

Walaupun asalnya meminati bidang masakan, tetapi percubaannya secara 'suka-suka' mempelajari asas jahitan, membawa dirinya menceburi bidang fesyen.

Anak keempat daripada lima beradik itu berkata, segala-galanya bermula apabila dia bosan tidak berbuat apa-apa ketika menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pada 2015.

"Selepas selesai menduduki SPM, saya hanya duduk di rumah tanpa melakukan sebarang kerja. Kemudian ibu mengesyorkan mengikuti kursus menjahit kerana bidang masakan tidak begitu sesuai dengan keadaan dapur terlalu tinggi dan berbahaya untuk saya memasak.

"Jadi, saya mengikut kursus jahitan jangka pendek selama enam bulan bersama seorang sepupu di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

"Mulanya tidak pandai langsung memasukkan benang ke dalam mesin, apatah lagi mengukur serta memotong kain hingga terasa hendak menangis, namun atas tunjuk ajar diberikan saya mampu menguasai ilmu asas jahitan, " katanya ketika ditemui di rumahnya di Merbau Kudung, Sungai Dua, di sini.

Pernah ditawarkan kursus perniagaan di sebuah institusi pengajian tinggi (IPT), tetapi berhenti separuh jalan kerana tidak kena pada jiwanya, sebelum mengambil keputusan mengikut kursus jahitan.

"Selain itu dia juga mengikuti menyertai kursus jurusan seni reka fesyen selama dua tahun di sebuah institusi kemahiran," katanya yang kini sudah membuka premis menjahit di kediaman keluarganya, pertengahan tahun lalu.

Mengenai cabarannya, kongsinya, disebabkan fizikalnya yang kerdil, Nurul Izzah akan mengambil ukuran baju dengan naik di atas kerusi mendapatkan ukuran pakaian pelanggan.

"Pelanggan tahu kekurangan diri saya dan mereka tidak pernah memperlekehkan saya bahkan terus mempromosikan baju yang dijahit kepada rakan mereka yang lain.

"Memang agak mencabar saya bertubuh kecil, tetapi menjahit pakaian orang dewasa, tetapi itu bukan apa-apa sangat jika saya percaya bahawa diri saya boleh melakukannya.

"Hasilnya, memang saya boleh buat dan kini mendapat kepercayaan pelanggan yang mereka sukakan rekaan saya," katanya yang mampu menjahit semua jenis fesyen pakaian yang diminta pelanggan.

Rezeki berlipat kali ganda

Malah, ketibaan Ramadan dan Syawal memberikannya rezeki berlipat ganda apabila menerima banyak tempahan daripada pelanggan untuk digayakan pada Aidilfitri nanti.

"Saya akui tidak menang tangan menerima tempahan menjahit pakaian antaranya baju kurung, kebaya, jubah dan baju Melayu.

"Saya juga sudah menutup tempahan kerana takut tidak mampu menyiapkan baju raya pelanggan, tambahan pula saya hanya menjahit seorang diri berikutan tiada pekerja.

"Saya bercadang untuk mengambil pekerja bag membantunya menjahit pada masa depan dan menyewa premis lebih besar untuk menampung tempahan semakin memberangsangkan," katanya yang mampu menjahit antara empat ke lima pakaian seminggu.

Mengulas lanjut, Nurul Izzah berkata, ramai yang menyokong usahanya menjadi tukang jahit termasuk mendapat bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dari segi peralatan mesin.

"Inilah faedah yang saya dapat walaupun dalam kategori Orang Kelainan Upaya (OKU). Saya tidak pernah terasa diri dipinggirkan kerana ada sahaja yang bersedia menghulurkan tangan untuk menolong saya.

"Memang tidak rugi keputusan saya menceburi walaupun ada juga yang menyindir saya tidak dapat pergi jauh dalam bidang ini. Namun, dengan kemahiran ini saya mampu menjana pendapatan.

Jadi, anak muda lain yang meminati bidang kemahiran tertentu teruskan sahaja impian itu.

"Bagi mereka yang dilahirkan istimewa seperti saya jangan difikirkan mengenai kekurangan diri, tetapi carilah apa kelebihan yang kita ada," katanya tidak gentar bidang ini banyak persaingan kerana percaya rezeki individu sudah ditetapkan.

WANITA MAUT DIPUKUL SUAMI DENGAN TUKUL BESI

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/05/wanita-maut-dipukul-suami-dengan-tukul-besi/>

Sumber : Kosmo



DUNGUN – Seorang wanita maut akibat dipukul suaminya dengan tukul besi di Kampung Besol, Bukit Besi di sini hari ini.

Mayat mangsa berusia 41 tahun ditemui terbaring dengan kesan kecederaan parah di bahagian dahi dan muka di ruang tamu rumah mereka pada pukul 8 pagi.

Difahamkan, sebelum kejadian, mangsa yang baru pulang menghantar anaknya ke sekolah telah bertengkar dengan suaminya sebaik tiba di rumah.

Suspek yang dikatakan ketakutan kemudiannya bertindak memaklumkan perbuatannya itu kepada ahli keluarga yang menetap berhampiran rumah mereka.

Dia kemudiannya dipujuk untuk menyerahkan diri di Balai Polis Bukit Besi di sini. – KOSMO! ONLINE

DUA BERADIK WANITA RUGI RM658,000 DITIPU 'PHONE SCAM'

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/dua-beradik-wanita-rugi-rm658000-ditipu-phone-scam/>

Sumber : Utusan



KUALA TERENGGANU: Dua beradik wanita yang merupakan seorang guru dan pesara swasta mengalami kerugian sebanyak RM658,000 dipercayai menjadi mangsa 'phone scam' pada Februari lalu.

Kejadian berlaku selepas mangsa berusia 56 dan 62 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek yang mendakwa daripada syarikat insurans dan pihak polis.

Ketua Polis Daerah Kuala Terengganu, Asisten Komisioner Abdul Rahim Md. Din berkata, suspek memperdaya mangsa dengan mengatakan maklumat diri mereka disalah guna bagi tujuan jenayah.

“Melalui panggilan telefon berkenaan, suspek memaklumkan kepada dua wanita itu bahawa mereka terlibat dengan penggubahan wang haram dan jenayah dadah.

“Suspek kemudian mengarahkan mangsa membuka akaun bank dan memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun terbabit dengan alasan mahu menolong menyelesaikan kes itu.

“Mangsa hanya menyedari ditipu setelah membaca berita jenayah 'phone scam' sebelum mendapati wang di dalam akaun tersebut berkurang RM500,000 dan RM158,000,” katanya dalam kenyataan di sini, petang ini.


Abdul Rahim memberitahu, kedua-dua mangsa membuat laporan polis pada 4 April lalu di Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Terengganu.

Menurut beliau, kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan (KK) kerana menipu. –
UTUSAN

WARIS BAYI DITINGGALKAN DI HSA DICARI

<https://www.sinarharian.com.my/article/253047/edisi/selangor-kl/waris-bayi-ditinggalkan-di-hsa-dicari>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Pejabat Kebajikan Masyarakat (PKM) Shah Alam sedang mengesan ibu bapa serta waris kepada bayi lelaki yang ditinggalkan di Hospital Shah Alam (HSA) pada 22 Januari lalu.

PKM Shah Alam dalam kenyataan memaklumkan kerjasama daripada keluarga bayi berkenaan diperlukan untuk tindakan selanjutnya termasuk dalam soal penempatan bayi tersebut.

"Ibu bapa kandung atau waris diperlukan untuk berbincang dengan pelindung bagi mengetahui perancangan penempatan kanak-kanak selanjutnya dengan kadar segera.

"Pihak terbabit diminta untuk hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Shah Alam di alamat: Unit G2, Tingkat G, IDCC Shah Alam, Jalan Pahat L 15/L, Seksyen 15, 40200 Shah Alam, Selangor," kata kenyataan pada Rabu.

Pihak berkenaan juga boleh menghubungi pegawai terbabit, Anis Zainol Abidin di talian 03-55458901 dan orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan boleh e-mail ke alamat pkmd_shahalam@jkm.gov.my.

WANG SIMPANAN LESAP DITIPU SYARIKAT PELABURAN – ANISA

<https://malaysiagazette.com/2023/04/05/wang-simpanan-lesap-ditipu-syarikat-pelaburan-anisa/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Semua wang simpanan keluarga dan pendidikan anak-anak Anisa Talib sebanyak RM100,000 lesap akibat ditipu sebuah syarikat pelaburan.

Ekoran itu, Anisa dan suaminya mengalami masalah kewangan sehingga kini sehinggakan rumah tangganya bergolak dan hampir bercerai.

“Saya gunakan semua simpanan saya untuk anak saya. Saya sebelum ini berhenti kerja selepas mula melabur selepas ditipu saya terpaksa bekerja semula.

“Akibat penipuan ini, mereka membuatkan saya terpaksa kerja balik membuatkan pergolakan rumah tangga saya dan suami. Kami hampir bercerai dan saya murung,” katanya ketika sidang media di hadapan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) hari ini.



Mangsa, Anisa Talib. Foto AFFAN FAUZI, 05 APRIL 2023.

Menurutnya, syarikat pelaburan tersebut diperkenalkan oleh kakak Anisa yang turut menjadi mangsa penipuan.

Katanya lagi, syarikat itu menjanjikan pulangan dividen yang lumayan setiap bulan.

“Saya hanya dapat bayaran dividen sekali sahaja, selepas tu tiada. Terdahulu ya, saya percaya kerana mereka tunjuk sijil berdaftar dengan SC dan insuran membuatkan saya yakin,” tambahnya.

Sementara itu, seorang lagi mangsa penipuan syarikat pelaburan, Harun Mohd Yunos, 63, pula berkata, dia kehilangan semua simpanannya sebanyak RM250,000 dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



Harun Mohd Yunos Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 05 APRIL 2023.

Berasal daripada Melaka, warga emas tersebut berkata, syarikat pelaburan yang diperkenalkan oleh rakan isterinya hanya membayar dividen RM24,000 selama empat bulan.

“Pada mulanya dividen dibayar setiap bulan, bayaran cantik selama empat bulan. Selepas itu inalillah. Tiada lagi. saya apabila tidak lagi menerima dividen RM6,000 sebulan saya buat tuntutan, syarikat itu janji mahu pulangkan semula wang namun selepas itu mereka hilang,” katanya yang mula melabur sejak Oktober lalu.

Terdahulu, Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia menyerahkan hampir 500 mangsa penipuan lebih kurang lima syarikat pelaburan kepada SSM hari ini.



Sebahagian mangsa memegang plakad bantahan selepas Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO) membuat aduan mengenai hampir 500 mangsa penipuan lebih kurang lima syarikat pelaburan di Pejabat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kuala Lumpur. Foto AFFAN FAUZI, 05 APRIL 2023.

Turut hadir, Presiden Pertubuhan Keprihatinan Jenayah Komuniti Malaysia (MCCC), Tan Sri Musa Hassan.

Setiausaha Agungnya, Datuk Hishamuddin Hashim berkata, syarikat-syarikat berkenaan dikenal pasti berpangkalan di Hong Kong dan dalam negara.

“Kita datang untuk buat aduan beberapa syarikat yang telah menawarkan skim pelaburan berkonsep Islamic Redeemable Share (IRPS), sukuk, *short term notes* dan tabung amanah. Kesemua mangsa telah membuat laporan polis. Jadi kehadiran kami untuk minta SC siasat syarikat-syarikat berkenaan,” ujarnya.

Katanya, kerugian keseluruhan dianggarkan mencecah RM1 bilion dan manoriti mangsa adalah dalam kalangan warga emas yang menggunakan KWSP untuk melabur.

“Ada mangsa dalam kalangan Tan Sri. Antara ratusan mangsa ada yang rugi sebanyak RM3 juta,” tambah beliau.

Hishamuddin berkata, syarikat pelaburan yang berjaya menipu mangsa menggunakan nama-nama individu yang berpengaruh dan terkenal sebagai antara barisan pengurusan tertinggi mereka.

“Dalam masa yang sama mereka tunjuk deposit information yang kononnya SC telah semak kedudukan mereka tapi ia hanyalah serahan sahaja,” katanya lagi.

Sehubungan itu, beliau menggesa SC menyiasat kesemua syarikat pelaburan yang dinamakan hari ini sekaligus mengambil tindakan segera dalam masa yang sama membantu mangsa mendapatkan kembali wang mereka.-MalaysiaGazette

TEMU DUGA KHAS BERJAYA TEMPATKAN GOLONGAN OKU DALAM SEKTOR PEKERJAAN

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/temu-duga-khas-berjaya-tempatkan-golongan-oku-dalam-sektor-pekerjaan-414185>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan sebanyak 67 sesi temu duga khas untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di seluruh negara dalam tempoh Januari 2020 hingga 31 Mac lepas.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Mustapha Sakmud berkata inisiatif itu adalah untuk memastikan tiada golongan terpinggir dalam mendapatkan pekerjaan di negara ini.

"Sesi temu duga itu dihadiri seramai 1,677 golongan OKU dan daripada jumlah itu 464 orang telah berjaya mendapat pekerjaan, manakala 566 orang lagi berjaya ke sesi temu duga kedua," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2023 (Belanjawan 2023) bagi kementerian itu di Dewan Negara hari ini.

Mustapha berkata bagi menangani isu pengangguran di dalam negara termasuk membabitkan golongan OKU, kementerian melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah melaksanakan pelbagai program antaranya JaminKerja dengan memperkenalkan insentif pengajian khusus untuk golongan rentan.

"Mulai 2020 hingga 2022, seramai 1,689 permohonan telah diluluskan melibatkan bayaran sebanyak RM12.8 juta bagi insentif pengajian khusus ini," katanya.

Mustapha berkata kerajaan melalui Perkeso juga telah menganjurkan Karnival Kerjaya untuk golongan OKU dengan seramai 2,874 golongan OKU telah mendapat pekerjaan sejak Januari 2021 hingga 31 Mac 2023.

"Kerajaan menerusi Perkeso turut melaksanakan program Kembali Bekerja dalam usaha membantu mereka yang hilang upaya untuk kembali semula bekerja.

"Sejak 2007 hingga 31 Mac 2023, seramai 55,634 peserta OKU telah dibantu untuk ditempatkan semula dalam pasaran kerja," katanya.

Selain itu, katanya sebuah pusat satelit MyfutureJobs pertama juga telah diperkenalkan khusus untuk golongan OKU di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi bagi memudahkan golongan ini mendapatkan maklumat berkaitan pasaran buruh.

AL-QURAN BRAILLE 'PENEMAN' 32 OKU

<https://www.sinarharian.com.my/article/253176/berita/nasional/al-quran-braille-peneman-32-oku>

Sumber : Sinar Harian



SHAH ALAM - Dengan bantuan al-Quran braille, seramai 32 orang kurang upaya (OKU) penglihatan akan terlibat dalam Majlis Khatam Al-Quran 2.0 pada Jumaat ini.

Program anjuran sisipan Islamik Sinar Harian, Sinar Islam Plus (SI) bakal berlangsung bermula jam 5 petang di Studio F Kumpulan Karangraf di sini bertemakan 'Tinta Emas Mencipta Generasi Taqaddum'.

Menurut Editor SI, Muhd Azman Mohd Nawawi, pemilihan peserta adalah dalam kalangan mereka yang sudah tamat membaca 30 juzuk al-Quran, terdiri daripada ahli Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis) dan Yayasan Maghfirah itu.

"Keunikan dan kepelbagaian kaedah membaca al-Quran ini dilihat di mana OKU penglihatan membaca al-Quran dibantu oleh Mashaf al-Quran Braille.

“Ia berbeza dengan penganjurannya pada tahun lalu yang meraikan 15 peserta kanak-kanak,” katanya.

Program yang turut mendapat sokongan daripada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) selaku rakan strategik itu, dua orang mualim yang bertauliah akan membimbing peserta ketika acara berlangsung.

Meskipun kurang dari segi penglihatan, namun katanya, hati mereka celik dengan kalam ALLAH itu dan berupaya membaca dan menghafaznya dengan sempurna.

“Sepertimana majlis-majlis khatam al-Quran lain, SI berhasrat menyempurnakan majlis itu dengan menjunjung syariat Islam tanpa meminggirkan nilai budaya Melayu.

“Ia adalah bentuk teladan terbaik bagi Muslim yang normal untuk sama-sama menjadikan al-Quran sebagai pedoman kehidupan,” jelasnya.

Menurutnya, sebagai tanda penghargaan, setiap peserta akan diberikan sijil berserta senaskhah al-Quran dan beberapa hadiah iringan lain.

“Kami berharap agar majlis ini memberi inspirasi kepada Muslimin seluruhnya untuk menjadikan al-Quran dan tafsir al-Quran sebagai bahan bacaan utama serta sumber rujukan mereka.

“Semoga program ini berupaya menggalakkan umat Islam daripada segenap generasi mencintai warisan agung peninggalan Nabi Muhammad SAW, seterusnya dijadikan sebagai amalan rutin dan panduan kepada kehidupan kita,” katanya.

Majlis tersebut akan dipancarkan secara langsung melalui semua platform media sosial Sinar Harian termasuk Facebook Sinar Islam Plus, SinarPlus dan Sinar Bestari.